

Prosedur Permohonan Surat Sokongan Pas Lawatan Ikhtisas Belajar/Mengajar Agama Warganegara Asing

1. Pemohon boleh mendapatkan borang permohonan daripada Bahagian Penyelidikan, JAWI atau melalui portal web JAWI (hendaklah diisi **dua (2) bulan** sebelum tamat tempoh pasport antarabangsa)
2. Pemohon dikehendaki melengkapkan 3 set borang permohonan dan 3 set borang Tapisan Keselamatan, Pejabat Ketua Pegawai Kerajaan Malaysia (borang KPKK 11)berserta satu keping gambar berukuran pasport (setiap satu borang).
3. Setiap borang mestilah ditulis dengan menggunakan tulisan tangan. Borang yang dikemukakan dalam bentuk salinan / tidak lengkap, tidak akan diproses dan akan dikembalikan.
4. Setiap permohonan mestilah dilampirkan dengan dokumen-dokumen berikut:
 - i. Surat perakuan belajar daripada penganjur / institusi pengajian berkaitan.
 - ii. Salinan surat pendaftaran institusi dari Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan.
 - iii. Salinan pasport antarabangsa yang telah disahkan.
 - iv. Salinan Sijil Kelahiran / Kad Pengenalan Diri yang dimiliki dan telah disahkan.
 - v. Salinan sijil kelulusan/ pendidikan tertinggi yang telah disahkan (jika ada).
 - vi. Salinan jadual waktu belajar seharian yang telah disahkan.
 - vii. Salinan Laporan / Rekod Kemajuan Tahunan pengajian pelajar yang disediakan oleh institusi yang telah disahkan (bagi memperbaharui permohonan sahaja
 - viii. Dokumen-dokumen lain yang diperlukan untuk menyokong permohonan dan telah disahkan.
 - ix. Salinan kad / sijil akuan memeluk Islam yang disahkan oleh jabatan / Majlis Agama Islam Negeri di mana pemohon belajar.(bagi pelajar saudara baru)
 - x. Salinan Tauliah Mengajar daripada jabatan / Majlis Agama Islam yang dihadkan kepada tauliah mengajar di premis berkenaan dan bidang yang ditentukan sahaja.(bagi pengajar)
 - xi. Surat pengesahan lantikan imam daripada pihak Bahagian Pengurusan Kariah (bagi imam)
5. Borang-borang yang telah lengkap diisi hendaklah dikemukakan dan ditentukan tarikh untuk hadir sesi temuduga.

Antara syarat Permohonan Pas Lawatan Ikhtisas Belajar Agama Warganegara Asing:

- 1) Tempat belajar hendaklah memenuhi kriteria-kriteria berikut:
 - i. Institusi pengajian agama yang **berdaftar dengan JAWI / MAIWP**.
 - ii. Jadual pengajian belajar mestilah berbentuk harian dan sepenuh masa di mana pelajar dikehendaki berada di premis belajar sekurang-kurangnya **lima (5) jam sehari**.
 - iii. Institusi mempunyai penganjur yang sah.
 - 2) Tempoh belajar tidak melebihi sepuluh **(10) tahun**.
 - 3) Tidak terlibat dalam sebarang aktiviti perniagaan dan pekerjaan lain secara sepenuh masa atau sementara yang berlawanan dengan maksud hakiki permohonan.
 - 4) Pemohon hendaklah datang sendiri ke Jabatan ini untuk memohon Surat Sokongan Pas tersebut, sama ada bagi permohonan baru atau memperbaharui Pas Lawatan berkenaan. Sementara, bagi pelajar berumur 18 tahun ke bawah, para pelajar mesti ditemani pihak penganjur / institusi yang berkenaan.
 - 5) Sebarang permohonan melalui wakil **tidak** akan diproses.
 - 6) Bagi tujuan penyambungan Pas Lawatan, pemohon hendaklah menunjukkan prestasi yang baik dalam pengajian.
 - 7) Permohonan pembaharuan Pas Lawatan mestilah dibuat dalam tempoh dua (2) bulan sebelum tarikh Pas tamat.
 - 8) Setiap pemohon dikehendaki menghadiri sesi temuduga untuk tapisan kelayakan yang diadakan pada waktu yang telah ditetapkan.
- * **Bagi pelajar saudara baru, terdapat syarat tambahan iaitu:**
- a) Tempoh belajar bagi saudara baru dihadkan sehingga 5 tahun sahaja (bagi pengajian asas agama Islam). Bagi tahun ke-6, pelajar saudara baru dinasihatkan supaya mendapatkan pengajian lanjutan daripada institusi pengajian formal yang berdaftar di bawah JAWI / MAIWP dan dihadkan mengikut tempoh pengajian yang ditetapkan.
 - b) Bagi pelajar saudara baru, tarikh memeluk Islam hendaklah tidak melebihi lima (5) tahun dari tarikh temuduga.
- * **Bagi tenaga pengajar / imam, terdapat syarat tambahan iaitu:**
- a) Berumur tidak lebih 60 tahun.
 - b) Mempunyai latar belakang pendidikan agama dan kelulusan sekurang-kurangnya di peringkat Diploma dalam bidang pengajian Islam.

- c) Untuk jawatan Guru Tahfiz Al-Quran, pemohon hendaklah mempunyai Sijil Tahfiz Al-Quran dari Institusi Pengajian Tahfiz di dalam atau luar Negara.
- d) Mempunyai penganjur.
- e) Menunjukkan prestasi yang baik dalam perkhidmatan.
- f) Berpegang kepada akidah Ahli sunnah Wal Jamaah.
- g) Tidak menyentuh apa-apa yang berhubung kebesaran, kemuliaan, kedaulatan dan kuasa-kuasa Agong dan Raja-Raja Melayu.
- h) Tidak merendahkan perkara-perkara khilafiah yang terdapat di dalam mazhab empat.
- i) Berakhlak baik dan tidak mempunyai sebarang rekod jenayah di Malaysia atau di Negara asal.
- j) Tempoh bagi pengajar / imam dihadkan sehingga **10 tahun** sahaja.
- k) Tidak menyinggung perasaan mana-mana kaum, agama , adat resam dan budaya penduduk tempatan yang boleh membawa ketegangan kaum dan agama.
- l) Tidak menyentuh mana-mana fahaman parti politik yang boleh menimbulkan kekeliruan dan perpecahan di kalangan umat Islam.